



03 JUN, 2024

Rasuah RM4,300 elak periksa kargo

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

Rasuah RM4,300 elak periksa kargo

Kota Bharu: Dua pembantu penguasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tiga pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM4,300 pada 2020.

Kedua-dua tertuduh, Mohd Faizul Mat Nasir dan Mohamad Rasul Mohd Zukri masing-masing berusia 34 tahun bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan ketika pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Ahmad Bazli Bahruddin.

Mohd Faizul didakwa dengan satu pertuduhan menerima suapan berjumlah RM1,750 pada 16 Julai 2020, manakala Mohamad Rasul didakwa dengan dua pertuduhan menerima suapan keseluruhan berjumlah RM2,550 pada 8 dan 13 September 2020.

Kesemua kesalahan itu dilakukan di Maybank Berhad di Jalan Mahmood, di sini.

Kedua-dua tertuduh didakwa menerima rasuah daripada seorang pemilik syarikat berusia 38 tahun, melalui pemindahan wang secara dalam talian ke akaun bank masing-masing, sebagai dorongan untuk tidak memeriksa lori kargo milik syarikat itu yang membawa keluar barangan dari Kargo KLIA.

Kedua-dua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta yang sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun atau denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Mohd Afif Ali dan Nurul Atiqah Mohamad Alias, manakala dua tertuduh diwakili peguam Adhwa Afiqah Mohd Azmi.

Terdahulu, pendakwaan mohon mahkamah mengenakan jaminan setimpal kepada tertuduh beserta syarat tambahan.

Adhwa Afiqah bagaimanapun memohon jaminan minimum buat anak guamnya, mengambil kira kerjasama baik diberikan mereka sepanjang siasatan.

Mahkamah turut menetapkan 21 Julai untuk sebutan semula kes.



TERTUDUH dibawa ke Mahkamah Sesyen Kota Bharu atas tiga pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM4,300.



03 JUN, 2024

Rasuah RM4,300 elak periksa kargo

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kota Bharu: Dua pembantu penguasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tiga pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM4,300 pada 2 02 0. Kedua-dua tertuduh, Mohd Faizul Mat Nasir dan Mohamad Rasul Mohd Zukri masing-masing berusia 34 tahun bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan ketika pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Ahmad Bazli Bahrudin.